

Oleh Nazri Abu Bakar
bhvarsiti@bh.com.my

► Ayer Keroh

Kelab TaHa@U sehingga kini berjaya menarik penyertaan lebih 20,000 ahli membabitkan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) di seluruh Melaka.

Jumlah keahlian menerusi program Tabung Haji (TH) bersama dengan akhbar BH itu dijangka akan meningkat berikutan kemasukan pelajar baharu bermula November lalu sehingga bulan ini di lebih 30 IPT di negeri itu.

Pengarah TH Melaka, Mohamad Khairi Dase-



min, berkata kesedaran mahasiswa menyertai kelab berkenaan bukan sekadar untuk menabung, sebaliknya berpeluang menyertai aktiviti bermanfaat anjuran bersama BH yang mampu memberi nilai tambah dalam diri mereka bagi mendepani cabaran masa depan.

"Kelab TaHa@U menganjurkan pelbagai aktiviti sepanjang tahun ini seperti kursus motivasi, sukarelawan, sukan dan program latihan graduan dan aktiviti itu berjaya memberi impak besar dalam usaha menarik pelajar IPT menyertai kelab ini.

Ahli baru

"Penyertaan menggalakkan ini jelas memberi makna besar kepada setiap ahli kelab untuk terus aktif sambil menarik keahlian baru dalam kalangan rakan IPT lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Pertandingan Boling Kelab TaHa@U anjuran bersama dengan TH dan BH di Pusat Boling Antarabangsa Melaka (MIBC) di sini, semalam.

Kejohanan julung kali diadakan itu diser-



KESEDARAN MAHASISWA MENYERTAI KELAB BERKENAAN BUKAN SEKADAR UNTUK MENABUNG, SEBALIKNYA BERPELUANG MENYERTAI AKTIVITI YANG BERMANFAAT"

Mohamad Khairi Dasemin,
Pengarah TH Melaka



Aksi peserta boling pada Pertandingan Boling Kelab TaHa@U di Melaka



Mohamad Khairi bersama peserta Pertandingan Boling Kelab TaHa@U di Melaka.

tai 23 IPT tempatan termasuk Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Turut hadir, Pengurus Besar Khidmat Pelanggan TH, Mohammad Saimi Mohd Som dan Pegawai Jualan Korporat The News Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP), Nur Asyikin Norrashid.

Peluang berkenalan

Pelajar USIM, Mohd Izzul Ikmal, 20, ketika ditemui mengakui teruja dengan

Keahlian Kelab
TaHa@U
terus meningkat



Kumpulan Mallacan muncul johan Pertandingan Boling Kelab TaHa@U anjuran TH dan BH di Pusat Boling Antarabangsa Melaka, baru-baru ini.



pengan-juran pertandingan yang julung kali diadakan itu dan berhajat untuk menyertai pertandingan sama yang bakal dianjurkan kali kedua di Selangor pada bulan ini.

"Selain bersukan, pelbagai aktiviti membabitkan anjuran Kelab TaHa@U banyak memberi manfaat kepada saya dan rakan lain termasuk aktiviti kemasya-

rakatan dan sukarelawan," katanya.

Bagi pelajar UiTM Melaka, Norhayati Nabilah Shahrani, 23, kejohanan turut memberi peluang kepadanya mengasah bakat sukan dan berpeluang bertemu rakan lain dari IPT seluruh negara.

Katanya, penyertaan dalam kejohanan berkenaan sebagai tanda sokongan kepada Kelab TaHa@U yang banyak menganjurkan pelbagai aktiviti bermanfaat termasuk futsal, bola jaring, khidmat masyarakat dan bimbingan kerjaya.